

06/07/1999

Bangsa Melayu selamat jika kuat, bersatu

Dr Mohd Azam Rauzan

PERHIMPUNAN Agung Umno ke-53 sudah selesai dan diakhiri dengan bergemanya ikrar taat setia dan lafaz janji ketaatan kepada parti dan negara pada penghujung persidangan oleh semua perwakilan. Sebagai seorang daripada perwakilan yang boleh dianggap golongan profesional muda Umno, saya berasakan Umno itu sendiri sebenarnya sedang dalam proses perubahan bagi melengkapkan keutuhan parti dalam menghadapi cabaran alaf baru. Semoga laungan lafaz ikrar itu akan diterjemahkan ke dalam sanubari semua ahli Umno di segenap pelusuk tanah air.

Pada sepanjang perjalanan perhimpunan itu, banyak penelitian dan pemerhatian yang boleh dijadikan teladan dan iktibar untuk diturunkan kepada ahli di peringkat akar umbi mengenai kekuatan dan kesatuan ahli Umno dalam menghadapi isu politik dalaman dan luaran. Tahniah saya ucapkan kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mana dalam ucapan perjumpaan "pra-majlis" dengan perwakilan menyentuh mengenai pembabitan remaja dan profesional dalam kepemimpinan Umno.

Saya mengalu-alukan saranan Dr Mahathir agar kepemimpinan yang sedia ada sama ada di peringkat cawangan atau bahagian memberi ruang kepada golongan terbabit agar mereka diberi peluang menabur bakti sebagai balasan terima kasih kepada perjuangan Umno yang memberi pelajaran dan kejayaan dalam hidup mereka.

Saya agak bertuah kerana kepemimpinan Umno di bahagian saya mula menerima golongan muda yang ingin berbakti kepada nusa dan bangsa. Terima kasih saya ucapkan kepada semua kepemimpinan Umno sama ada di peringkat cawangan atau bahagian yang memberikan saya dorongan untuk terus bersama di dalam Umno menuju ke alaf baru.

Apabila menghadapi kekalutan politik tanah air yang mana orang Melayu berbalah sesama sendiri disebabkan perbezaan perjuangan politik, saya berasa amat sedih sekali. Manusia memang jarang belajar daripada peristiwa sejarah. Kalau sejarah itu tidak dijadikan panduan, maka kesannya amat memilukan kepada anak bangsa di masa depan.

Apa akan berlaku apabila pada 2020 nanti, ketika itu berjalan seorang kanak-kanak dengan tidak memakai kasut dan berbaju kotor, berbau busuk dan orang ramai yang melihatnya menunjuk ke arah kanak-kanak itu sambil berkata sesama mereka, "itulah Melayu".

Mendengar perkataan Melayu, kanak-kanak itu pergi ke kumpulan berkenaan dan bertanya, apakah makna Melayu, maka berkatalah orang ramai engkaulah Melayu. Kanak-kanak itu bertanya lagi kenapa aku Melayu? Lalu jawab mereka jika kamu hendak tahu apa dan siapa Melayu pergilah ke Pusat Warisan Melayu (PWM) yang terletak di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang dulunya diadakan Perhimpunan Agung Umno setiap tahun dan lihatlah sendiri asal usul kenapa kamu jadi begini.

Tanpa membuang masa, kanak-kanak itu terus ke PWM yang dinyatakan dan apabila sampai beliau cuba memasukinya tetapi dihalau kerana berpakaian kotor dan berbau busuk lagi tidak berkasut. Beliau juga tidak mempunyai wang untuk melihat dan mempelajari generasinya kerana bayaran tiket yang mahal. Tetapi tanpa rasa malu kanak-kanak itu meminta sedekah dengan seorang "mat salleh" yang sama-sama hendak melihat pameran sejarah keagungan bangsa Melayu era Dr Mahathir.

Apabila masuk saja di pintu utama pusat berkenaan didapati perkataan yang ditulis di atas pintu berkenaan "TAKKAN MELAYU HILANG DI DUNIA", di dalam hatinya terdetik siapakah Melayu itu? Beliau seterusnya melihat

sejarah tamadun Melayu, termasuk zaman kegemilangan serta zaman empayar Melayu Melaka yang ketika itu begitu kuat serta mempunyai hulubalang yang handal menakluki sehingga ke Riau, zaman kemodenan Melayu yang mana seorang pemimpin Melayu yang bernama Dr Mahathir menjulang bangsa Melayu ke tahap paling dihormati bangsa lain di dunia. Kanak-kanak itu sungguh kagum melihat sejarah anak bangsanya iaitu orang Melayu pernah menjadi Presiden Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), mampu membina bangunan tertinggi di dunia, mampu membina lapangan terbang terancang di dunia, mampu membina kereta nasional dan melahirkan ramai tokoh korporat handalan dunia. Tetapi di satu sudut akhir pameran itu kanak-kanak itu pergi ke galeri yang memaparkan sejarah kejatuhan serta keruntuhan bangsa Melayu.

Beliau melihat bagaimana bangsanya runtuh, perpecahan berlaku sesama mereka termasuk caci-mencaci, mencarut sesama mereka, penggunaan politik wang yang berleluasa, muncul pelbagai rupa `ulama' yang memecah-belahkan umat. Hak istimewa orang Melayu sudah terhakis. Tiada lagi agama Islam sebagai agama rasmi, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan raja berperlembagaan dan ketika itu, negara ini diperintah seseorang yang bergelar Presiden yang memberikan hak yang sama rata kepada seluruh rakyatnya yang berkonsep Malaysian Malaysia.

Maka, negara ini kemudiannya terus maju selaras dengan Wawasan 2020 tetapi ketika itu bangsa Melayu tidak lagi mampu bersaing dan terus bergaduh sesama sendiri, rusuhan demi rusuhan dan akhirnya mereka merempat dan terus menjadi pendatang di tanah air sendiri. Kanak-kanak itu dengan linangan air mata keluar dari pintu belakang PWM dan mendapati satu kata-kata hikmat tertulis di atas pintu keluar iaitu "MELAYU HANYA BOLEH SELAMAT APABILA KUAT DAN BERSATU PADU".

Dengan perasaan sedih dan marah kanak-kanak itu keluar dari PWM sambil memaki hamun generasi terdahulu yang langsung tidak mengendahakan kata-kata hikmat itu walaupun ia jelas mempunyai kesan hikmat tersendiri.

Semoga cerita rekaan ini akan terus menjadi cerita khayalan dan saya rasakan agak relevan untuk dihayati semua ahli Umno dan juga orang Melayu di Malaysia agar bangsa kita tidak akan mengalami nasib yang sama dengan bangsa lain di dunia ini yang menjadi bahan bacaan sejarah dan rujukan penyelidik sejarah. Semoga Melayu tidak hilang di dunia. Bersatu teguh bercerai roboh.